



Ruj. Tuan : -
Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK.700-1/1/4 Jld.3 (31)
Tarikh : 10 Jun 2026

“SEPERTI SENARAI EDARAN”

Tuan/ Puan,

EDARAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 11 TAHUN 2026: PROSEDUR PENDAFTARAN PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN DAN FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa susulan daripada penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran) 2025 pada 1 Januari 2026, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membangunkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 11 Tahun 2026: Prosedur Pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran bagi memperincikan mekanisme pelaksanaannya.

3. Untuk makluman lanjut dan rujukan pihak Tuan/ Puan, dokumen tersebut boleh di akses melalui sistem ePremis Jabatan di pautan berikut:
<https://epremis.bomba.gov.my/direktori/piawaian/file/148>

4. Semoga dengan adanya dokumen ini dapat memberi pemahaman dengan lebih jelas terhadap prosedur, keperluan serta tanggungjawab berkaitan pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran.

Sekian, terima kasih.

...2/-

‘CEPAT DAN MESRA’



SIRIM



ACBQMS01



SIRIM



ACBABMS01




CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

- 2 -

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(PPJB Ts. Dr. MOHD ZAID BIN AB GHANI)

b.p. Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

mzi

TERHAD



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 11 TAHUN 2026

PROSEDUR PENDAFTARAN PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN DAN FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Perintah Tetap ini bertujuan untuk menyelaraskan prosedur pendaftaran, syarat kelayakan, dan penguatkuasaan bagi Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran selaras dengan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran) 2025 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

2. PUNCA KUASA

- 2.1. Arahan ini adalah berdasarkan kepada:
- i. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);

TERHAD

- ii. Perenggan 62(1)(ka) dibaca bersama seksyen 36F, 36G dan 36H Akta Perkhidmatan Bomba 1988; dan
- iii. Peraturan-peraturan Perkhidmatan Bomba (Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran) 2025,
- iv. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 7 Tahun 2023: Aplikasi Prinsip Kejuruteraan Keselamatan Kebakaran Bagi Reka Bentuk Bangunan

3. TUJUAN

3.1. Perintah Tetap ini dikeluarkan dengan tujuan-tujuan berikut:

- i. Memaklumkan peruntukan dan mekanisme pendaftaran serta pembaharuan Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran;
- ii. Menyeragamkan pengawalseliaan perkhidmatan perundingan keselamatan kebakaran di seluruh negara;
- iii. Memastikan hanya individu dan firma yang berkelayakan, kompeten dan berintegriti dibenarkan menjalankan perkhidmatan perundingan keselamatan kebakaran.

4. TAFSIRAN DAN SINGKATAN

4.1. "*Continuous Professional Development* (CPD)" ertinya satu kompetensi kepada Perunding Keselamatan Kebakaran yang berdaftar dengan JBPM seperti kursus, bengkel dan seminar keselamatan kebakaran. Ianya adalah suatu proses pembelajaran berterusan bertujuan bagi meningkatkan tahap kompetensi, kemahiran dan kualiti aplikasi kejuruteraan dalam mereka bentuk dan memberikan perkhidmatan secara selamat dan berkesan.

TERHAD

- 4.2. "*Fire Safety Design Philosophy* (FSDP)" ertinya satu kajian dan analisis terhadap keperluan keselamatan kebakaran bagi sesuatu cadangan pembangunan yang berisiko tinggi/ berbahaya seperti loji penapisan petroleum, tangki penyimpanan petroleum, pemprosesan bahan kimia berbahaya, struktur khas dan lain-lain yang ditetapkan oleh JBPM berdasarkan undang-undang kecil 236 dan Jadual ke-10 (Kilang Nota:2) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- 4.3. "Firma Perunding Keselamatan Kebakaran" ertinya mana-mana firma kejuruteraan keselamatan kebakaran yang berdaftar dengan JBPM yang mengemukakan laporan analisis risiko kebakaran.
- 4.4. "*Fire Safety Engineering* (FSE)" adalah kejuruteraan keselamatan kebakaran yang merangkumi kajian PBA, FSDP atau analisis kualitatif dan kuantitatif potensi bahaya atau risiko khas kebakaran yang wujud
- 4.5. "Jawatankuasa Pendaftaran Keselamatan Kebakaran (JPKK)" ertinya Pendaftar bagi Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang dilantik di bawah perkara 18.
- 4.6. "JBPM" Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 4.7. "Laporan Analisis Risiko Kebakaran" ertinya laporan analisis kualitatif dan kuantitatif potensi bahaya atau risiko khas kebakaran yang wujud di sesuatu premis atau bangunan dan cadangan penyelesaian bagi mencegah bahaya atau risiko khas kebakaran itu.
- 4.8. "Pegawai Pendaftar" ertinya Pegawai Bomba yang dilantik Ketua Pengarah yang bertanggungjawab mendaftar Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran.
- 4.9. "*Peer Reviewer*" ertinya mana-mana orang berkeelayakan yang juga adalah Perunding Keselamatan Kebakaran.

TERHAD

4.10. "Pengawal" ertinya seseorang yang dilantik oleh Ketua Pengarah mengikut seksyen 36A Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

4.11. "*Performance Based Approach* (PBA)" ertinya pendekatan berdasarkan prestasi reka bentuk keselamatan kebakaran yang menggunakan prinsip keselamatan kebakaran, pengiraan dan model perisian kebakaran untuk memenuhi keperluan kod preskriptif.

4.12. "Perunding Keselamatan Kebakaran" ertinya mana-mana orang berkeelayakan yang menyediakan laporan analisis risiko kebakaran

4.13. "*Principal Submitting Person*" (PSP) ertinya orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan Undang-undang Kecil dan termasuklah mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkeelayakan yang pertama disebut itu mengikut UUK 7, UKBS 1984.

4.14. "*Submitting Person*" (SP) ertinya orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan, selain pelan bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan Undang-undang Kecil dan termasuklah mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkeelayakan yang pertama disebut itu mengikut UUK 7, UKBS 1984.

5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

5.1. Tugas dan tanggungjawab Perunding Keselamatan Kebakaran adalah seperti berikut:

- i. Merancang, menyediakan dan melaksanakan penyelesaian alternatif berdasarkan kajian serta menganalisis aplikasi *Fire Safety*

TERHAD

Engineering (FSE), berdasarkan 'MS 2780:2023 – Application of fire safety engineering principles to the design of buildings - Code of practice.'

- ii. Menyediakan kajian, pengiraan dan *modelling* berdasarkan aplikasi FSE.
- iii. Mengesahkan pelan yang mengaplikasikan FSE dengan menggunakan cop perakuan yang ditetapkan oleh JBPM. Rekabentuk cop perakuan adalah seperti di LAMPIRAN 11. Tanggungjawab pengesahan pelan Perunding Keselamatan Kebakaran adalah terhadap kepada penyelesaian alternatif FSE yang berlainan daripada keperluan preskriptif.
- iv. Melaksanakan pra-pemeriksaan serta pengujian terhadap pelaksanaan aplikasi FSE dan mengemukakan laporan berkaitan. Tanggungjawab pre-pemeriksaan dan pengujian Perunding Keselamatan Kebakaran adalah terhadap kepada penyelesaian alternatif FSE yang berlainan daripada keperluan preskriptif.
- v. Menghadiri pemeriksaan dan pengujian pelaksanaan aplikasi FSE. Sekiranya Perunding Keselamatan Kebakaran tidak dapat hadir disebabkan alasan yang munasabah seperti sakit, bertugas di luar kawasan, atau menghadiri mesyuarat pihak berkuasa yang lain, wakil yang diberi kuasa secara bertulis hendaklah hadir bagi pihaknya. Walau bagaimanapun, tanggungjawab berkaitan kerja-kerja FSE kekal terletak pada Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut.
- vi. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cadangan dan reka bentuk FSE yang dikemukakan.
- vii. Boleh menjalankan khidmat sebagai *Peer Reviewer* setelah dilantik sekiranya laporan daripada *Peer Reviewer* diperlukan oleh JBPM.

TERHAD

6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

6.1. Tugas dan tanggungjawab Firma Perunding Keselamatan Kebakaran adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan perkhidmatan kajian dan laporan berkaitan *Fire Safety Engineering (FSE)*, berdasarkan '*MS 2780:2023 – Application of fire safety engineering principles to the design of buildings - Code of practice.*'
- ii. Memberi khidmat nasihat dan konsultansi berkaitan FSE kepada *Principal Submitting Person (PSP)*, *Submitting Person (SP)* dan Pemunya Premis.
- iii. Memastikan semua kajian dan cadangan yang dikemukakan oleh Perunding Keselamatan Kebakaran mematuhi keperluan yang telah ditetapkan.
- iv. Memastikan Perunding Keselamatan Kebakaran hadir semasa pengujian dan pemeriksaan sistem pemasangan keselamatan kebakaran. Sekiranya Perunding Keselamatan Kebakaran tidak dapat hadir disebabkan alasan yang munasabah seperti sakit, bertugas di luar kawasan, atau menghadiri mesyuarat pihak berkuasa yang lain, wakil yang diberi kuasa secara bertulis hendaklah hadir bagi pihaknya. Walau bagaimanapun, tanggungjawab berkaitan kerja-kerja FSE kekal terletak pada Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut.
- v. Bertanggungjawab sepenuhnya bersama Perunding Keselamatan Kebakaran terhadap semua cadangan dan reka bentuk FSE yang dikemukakan.

TERHAD

7. SYARAT PENDAFTARAN PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

7.1. Seseorang layak untuk dipertimbangkan pendaftaran sebagai Perunding Keselamatan Kebakaran tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

- i. Memiliki ijazah sarjana atau ijazah kedoktoran falsafah dalam bidang kejuruteraan keselamatan kebakaran atau dalam mana-mana bidang lain yang berhubungan dengan kejuruteraan keselamatan kebakaran, atau yang setara dengannya;
- ii. Mempunyai pengalaman bekerja sama ada:
 - a. Dalam bidang keselamatan kebakaran bagi tempoh sepuluh (10) tahun sebagai Pegawai Kanan Bomba; atau
 - b. dalam bidang kejuruteraan keselamatan kebakaran di Malaysia bagi tempoh lima (5) tahun dan telah mengendalikan sekurang-kurangnya tiga (3) kerja analisis risiko kebakaran bagi maksud pemajuan; dan
- iii. Memiliki Kemahiran dalam menggunakan model perkomputer dinamik bendalir (Computational Fluid Dynamics – CFD).
- iv. Tidak diisytiharkan muflis di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.
- v. Bukan seorang pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang sedang berkhidmat semasa permohonan dibuat.
- vi. Tidak terlibat dalam apa-apa perbuatan yang boleh menjejaskan imej atau reputasi Jabatan.

7.2. Seorang Perunding Keselamatan Kebakaran tidak boleh didaftarkan lebih daripada satu (1) Firma Perunding Keselamatan Kebakaran, dan tidak

TERHAD

dibenarkan untuk memberi perkhidmatan, mengemuka atau membentangkan kajian dan laporan bagi pihak Firma Perunding Keselamatan Kebakaran lain.

8. PERMOHONAN PENDAFTARAN BAGI PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

- 8.1. Permohonan pendaftaran bagi perunding keselamatan kebakaran hendaklah dibuat kepada Pengawal mengikut **LAMPIRAN 1: Borang Pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran**. Borang Pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dengan sijil yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah kepada Pengawal.
- 8.2. Pegawai Pendaftar hendaklah menyemak **LAMPIRAN 1: Borang Pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran** yang dikemukakan oleh pemohon. Sekiranya permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, Pegawai Pendaftar hendaklah mengembalikan permohonan tersebut kepada pemohon beserta alasan ketidaklengkapan.
- 8.3. Sekiranya permohonan adalah lengkap dan melepasi syarat-syarat pendaftaran, Pegawai Pendaftar hendaklah menyediakan laporan kepada JPKK bagi setiap permohonan pendaftaran yang lengkap.
- 8.4. Semua permohonan pendaftaran yang lengkap hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat JPKK yang diadakan dan dikendalikan mengikut perkara 18 untuk tujuan penilaian permohonan.
- 8.5. Suatu sesi temuduga hendaklah diadakan kepada pemohon dalam mesyuarat JPKK bagi tujuan penilaian kompetensi, kelayakan dan kesesuaian pemohon sebagai Perunding Keselamatan Kebakaran.
- 8.6. Selepas penilaian dokumen dan sesi temuduga pemohon, JPKK hendaklah menyediakan laporan penilaian serta syor keputusan, sama

TERHAD

ada menyokong atau tidak menyokong permohonan tersebut, untuk dikemukakan kepada Pengawal bagi pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

- 8.7. Selepas menerima laporan, keputusan temuduga dan syor daripada JPKK dan sebelum permohonan itu diputuskan, Pengawal boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengawal.
- 8.8. Sekiranya pemohon mengemukakan dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah perkara 8.7, Pengawal hendaklah menimbangkan semula permohonan tersebut bagi maksud pertimbangan kelulusan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran.
- 8.9. Sekiranya pemohon gagal mematuhi kehendak di bawah perkara 8.7, permohonan pendaftaran itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baharu.
- 8.10. Pengawal boleh menolak untuk memberikan sesuatu perakuan itu, sekiranya pemohon itu, mengikut pendapatnya, Orang yang berkelakuan dan reputasi yang tidak baik atau tidak boleh menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab di bawah PTKP ini.
- 8.11. Sekiranya Pengawal berpuashati terhadap suatu permohonan, suatu notis pembayaran pendaftaran hendaklah diberikan kepada pemohon dan pemohon hendaklah membuat bayaran mengikut **Jadual Fi** dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh notis pembayaran.
- 8.12. Sekiranya pemohon gagal membuat bayaran fi pendaftaran dalam tempoh empat belas (14) hari dalam notis pembayaran, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan suatu notis penolakan akan dikeluarkan kepada pemohon untuk makluman.

TERHAD

8.13. Pengawal hendaklah memberikan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran kepada pemohon seperti mana dalam **LAMPIRAN 3: Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran** setelah bayaran fi diterima.

8.14. Carta aliran proses pendaftaran bagi Perunding Keselamatan Kebakaran boleh didapati di LAMPIRAN 6.

9. SYARAT PEMBAHARUAN PERAKUAN BAGI PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

9.1. Perakuan bagi Perunding Keselamatan Kebakaran layak untuk diperbaharui mengikut kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

- i. Mematuhi keperluan *Continuous Professional Development* (CPD) mengikut Perkara 10.1 bagi Perunding Keselamatan Kebakaran sebagaimana yang ditetapkan oleh JBPM;
- ii. Aktif menjalankan tugas sebagai Perunding Keselamatan Kebakaran di Malaysia dalam tempoh dua (2) tahun yang terdahulu dari tarikh permohonan dikemukakan.
- iii. Mempunyai prestasi kerja yang memuaskan dalam melaksanakan tugas sebagai Perunding Keselamatan Kebakaran;
- iv. Melaksanakan sepenuhnya tugas dan tanggungjawab Perunding Keselamatan Kebakaran sebagaimana yang diperuntukkan di Perkara 5; dan
- v. Tidak melanggar mana-mana syarat pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran.

TERHAD

10. CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD) BAGI PERAKUAN PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

10.1. Perunding Keselamatan Kebakaran hendaklah menghadiri kursus, latihan, bengkel atau seminar berkaitan keselamatan kebakaran dan memperolehi sekurang-kurangnya 20 mata CPD Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran setahun bagi tujuan pembaharuan perakuan.

Bil.	Jenis Aktiviti CPD (Keselamatan Kebakaran)	Faktor Pemberat / Masa	Mata Maksimum CPD
1.	Latihan dan Pendidikan (menghadiri kursus, seminar, bengkel, drill dan lain-lain yang diiktiraf JBPM)	2	Tiada had
2.	Aktiviti Pembelajaran (menjadi tenaga pengajar / penceramah bagi kursus, seminar dan lain-lain yang diiktiraf JBPM)	2	Maksimum 10 mata
3.	Persidangan	1	Tiada had
4.	Pembentangan Kertas Kerja	5	Maksimum 10 mata

11. PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERAKUAN BAGI PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

11.1. Perakuan bagi Perunding Keselamatan Kebakaran ini hendaklah diperbaharui bagi setiap 2 tahun.

11.2. Suatu permohonan pembaharuan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran itu hendaklah dikemukakan menggunakan **LAMPIRAN 2: Borang Pembaharuan Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran** berserta dengan dokumen-dokumen berkaitan.

TERHAD

- 11.3. Pegawai Pendaftar hendaklah menyemak **LAMPIRAN 2: Pembaharuan Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran** yang dikemukakan oleh pemohon. Sekiranya permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, Pegawai Pendaftar hendaklah mengembalikan permohonan tersebut kepada pemohon beserta alasan ketidaklengkapan.
- 11.4. Sekiranya permohonan pembaharuan adalah lengkap dan melepasi syarat pembaharuan, Pegawai Pendaftar hendaklah menyediakan laporan kepada JPKK bagi setiap permohonan pendaftaran yang lengkap.
- 11.5. Semua permohonan pembaharuan yang lengkap hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat JPKK yang diadakan dan dikendalikan mengikut perkara 18 untuk tujuan penilaian permohonan.
- 11.6. Selepas penilaian dokumen, JPKK hendaklah menyediakan laporan penilaian serta syor keputusan, sama ada menyokong atau tidak menyokong permohonan tersebut, untuk dikemukakan kepada Pengawal bagi pertimbangan dan keputusan selanjutnya.
- 11.7. Selepas menerima laporan dan syor keputusan daripada JPKK dan sebelum permohonan itu diputuskan, Pengawal boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengawal.
- 11.8. Sekiranya pemohon mengemukakan dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah perkara 11.7, Pengawal hendaklah menimbangkan semula permohonan tersebut bagi maksud pertimbangan kelulusan pembaharuan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran.
- 11.9. Sekiranya pemohon gagal mematuhi kehendak di bawah perkara 11.7, permohonan pembaharuan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik

TERHAD

tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan pembaharuan semula.

11.10. Pengawal boleh menolak untuk memberikan sesuatu perakuan itu, sekiranya pemohon itu, mengikut pendapatnya, Orang yang berkelakuan dan reputasi yang tidak baik atau tidak boleh menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab di bawah PTKP ini.

11.11. Sekiranya Pengawal berpuashati terhadap suatu permohonan pembaharuan, suatu notis pembayaran pendaftaran hendaklah diberikan kepada pemohon dan pemohon hendaklah membuat bayaran mengikut **Jadual Fi** dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh notis pembayaran.

11.12. Sekiranya pemohon gagal membuat bayaran fi pendaftaran dalam tempoh empat belas (14) hari dalam notis pembayaran, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan suatu notis penolakan akan dikeluarkan kepada pemohon untuk makluman.

11.13. Pengawal hendaklah memperbaharui perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran kepada pemohon seperti mana dalam **LAMPIRAN 3: Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran** setelah bayaran fi diterima.

11.14. Permohonan pembaharuan perakuan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya sebelum tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat tempoh sah perakuan pendaftaran.

11.15. Sebarang permohonan pembaharuan yang dikemukakan selepas dari tempoh yang ditetapkan di perkara 11.14 akan ditolak. Perunding Keselamatan Kebakaran yang gagal mengemukakan permohonan dalam tempoh tersebut hendaklah mengemukakan permohonan baharu dan melalui keseluruhan proses permohonan seperti mana yang diperuntukkan di Perkara 8

TERHAD

11.16. Sekiranya tiada permohonan pembaharuan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan dalam perkara 11.14, Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran hendaklah disifatkan sebagai terbatal sebaik sahaja lebih dari tarikh tamat tempoh sah perakuan.

11.17. Perunding Keselamatan Kebakaran yang perakuannya terbatal tidak dibenarkan menjalankan apa-apa amalan, perkhidmatan atau aktiviti profesional sebagai Perunding Keselamatan Kebakaran.

11.18. Carta aliran proses pembaharuan perakuan bagi Perunding Keselamatan Kebakaran boleh didapati di LAMPIRAN 7.

12. PEMBATALAN PERAKUAN PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

12.1. Pengawal boleh membatalkan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:

- i. Melanggar etika kerja/ profesionalisme; atau
- ii. Gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Perunding Keselamatan Kebakaran; atau
- iii. Mendapat atau memperolehi pendaftarannya secara menipu atau salah nyata; atau
- iv. Diisytiharkan sebagai bankrap; atau
- v. Didapati melanggar mana-mana terma atau syarat pendaftaran; atau
- vi. Melanggar dan telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta 341.

12.2. Sekiranya Pengawal bercadang untuk membatalkan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran, Pengawal hendaklah mengeluarkan suatu surat pembatalan kepada Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut yang mengandungi notis bertulis bagi suatu tempoh yang ditetapkan oleh Pengawal untuk membolehkan Perunding Keselamatan Kebakaran mengemukakan representasi secara bertulis.

TERHAD

- 12.3. Dalam tempoh notis yang dinyatakan di dalam surat pembatalan tersebut, Perunding Keselamatan Kebakaran boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Pengawal.
- 12.4. Pengawal boleh mengarahkan supaya suatu mesyuarat diadakan bersama JPKK dan boleh memanggil Perunding Keselamatan Kebakaran berkenaan untuk membuat representasi secara lisan sekiranya difikirkan perlu.
- 12.5. Sekiranya Pengawal tidak berpuas hati dengan representasi yang dikemukakan, Pengawal hendaklah mengeluarkan suatu surat penolakan representasi kepada Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut yang memaklumkan bahawa representasi berkenaan tidak diterima dan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut akan terbatal selepas tamat tempoh notis yang dinyatakan di dalam surat pembatalan asal seperti di perkara 12.2.
- 12.6. Perunding Keselamatan Kebakaran yang dibatalkan perakuannya di bawah Perkara 12 tidak dibenarkan mengemukakan permohonan baharu dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengawal yang tidak melebihi dua belas (12) bulan.
- 12.7. Mana-mana Perunding Keselamatan Kebakaran yang pendaftarannya telah dibatalkan tidak berhak untuk menuntut:
- i. Sebarang pampasan bagi apa-apa kerugian yang berpunca daripada pembatalan tersebut; dan
 - ii. Sebarang bayaran balik fi yang telah dibayar di bawah PTKP ini.
- 12.8. Carta aliran proses pembatalan perakuan bagi Perunding Keselamatan Kebakaran boleh didapati di LAMPIRAN 10.

TERHAD

13. SYARAT PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

13.1. Mana-mana entiti yang ingin berdaftar sebagai Firma Perunding Keselamatan Kebakaran mestilah:

- i. Didaftarkan sebagai syarikat, perkongsian atau perkongsian liabiliti terhad di bawah undang-undang bertulis yang berkaitan;
- ii. Mengambil kerja sekurang-kurangnya seorang (1) Perunding Keselamatan Kebakaran yang berdaftar;
- iii. Mengambil kerja sekurang-kurangnya seorang (1) Arkitek Profesional yang berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*] atau jurutera profesional yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];
- iv. Mempunyai perlindungan insurans indemniti profesional yang sah bagi amaun tidak kurang daripada RM1,000,000.00.

14. PERMOHONAN PENDAFTARAN BAGI FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

14.1. Permohonan pendaftaran bagi Firma Perunding Keselamatan Kebakaran hendaklah dibuat dengan mengemukakan **LAMPIRAN 4: Borang Pendaftaran/Pembaharuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran** kepada Pengawal. Borang Pendaftaran Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama dengan sijil yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah kepada Pengawal.

14.2. Pegawai Pendaftar hendaklah menyemak **LAMPIRAN 4: Borang Pendaftaran/Pembaharuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran** yang dikemukakan oleh pemohon. Sekiranya permohonan

TERHAD

yang dikemukakan tidak lengkap, Pegawai Pendaftar hendaklah mengembalikan permohonan tersebut kepada pemohon beserta alasan ketidaklengkapan.

14.3. Sekiranya permohonan adalah lengkap dan melepasi syarat-syarat pendaftaran, Pegawai Pendaftar hendaklah menyediakan laporan kepada JPKK bagi setiap permohonan pendaftaran yang lengkap.

14.4. Semua permohonan pendaftaran yang diterima hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat JPKK yang diadakan dan dikendalikan mengikut perkara 18 untuk tujuan penilaian permohonan.

14.5. Selepas penilaian dokumen, JPKK hendaklah menyediakan laporan penilaian serta syor keputusan, sama ada menyokong atau tidak menyokong permohonan tersebut, untuk dikemukakan kepada Pengawal bagi pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

14.6. Selepas menerima laporan syor keputusan daripada JPKK dan sebelum permohonan itu diputuskan, Pengawal boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengawal.

14.7. Pengawal boleh menolak untuk memberikan perakuan sekiranya firma, pada pendapat Pengawal, berkelakuan atau reputasi yang tidak baik, atau didapati tidak berupaya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagaimana diperuntukkan di bawah PTKP ini.

14.8. Sekiranya Pengawal berpuashati terhadap suatu permohonan, suatu notis pembayaran pendaftaran hendaklah diberikan kepada pemohon dan pemohon hendaklah membuat bayaran mengikut **Jadual Fi** dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh notis pembayaran.

TERHAD

14.9. Sekiranya pemohon gagal membuat bayaran fi pendaftaran dalam tempoh empat belas (14) hari dalam notis pembayaran, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan suatu notis penolakan akan dikeluarkan kepada pemohon untuk makluman.

14.10. Pengawal hendaklah memberikan Perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran kepada firma pemohon seperti mana dalam **LAMPIRAN 5: Perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran** setelah bayaran fi diterima.

14.11. Carta aliran proses pendaftaran bagi Firma Perunding Keselamatan Kebakaran boleh didapati di LAMPIRAN 8.

15. PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERAKUAN BAGI FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

15.1. Perakuan bagi Firma Perunding Keselamatan Kebakaran ini hendaklah diperbaharui bagi setiap 2 tahun.

15.2. Suatu permohonan pembaharuan perakuan itu hendaklah dikemukakan menggunakan **LAMPIRAN 4: Borang Pendaftaran/Pembaharuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran** berserta dengan dokumen-dokumen berkaitan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh habis tempoh perakuan pendaftaran itu.

15.3. Pegawai Pendaftar hendaklah menyemak **LAMPIRAN 4: Pembaharuan Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran** yang dikemukakan oleh pemohon. Sekiranya permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, Pegawai Pendaftar hendaklah mengembalikan permohonan tersebut kepada pemohon beserta alasan ketidaklengkapan.

15.4. Sekiranya permohonan adalah lengkap dan melepasi syarat-syarat pembaharuan, Pegawai Pendaftar hendaklah menyediakan laporan kepada JPKK.

TERHAD

- 15.5. Semua permohonan pembaharuan yang lengkap hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat JPKK yang diadakan dan dikendalikan mengikut perkara 18 untuk tujuan penilaian permohonan.
- 15.6. Selepas penilaian dokumen, JPKK hendaklah menyediakan laporan penilaian serta syor keputusan, sama ada menyokong atau tidak menyokong permohonan tersebut, untuk dikemukakan kepada Pengawal bagi pertimbangan dan keputusan selanjutnya.
- 15.7. Selepas menerima laporan dan syor keputusan daripada JPKK dan sebelum permohonan itu diputuskan, Pengawal boleh, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Pengawal.
- 15.8. Sekiranya pemohon mengemukakan dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah perkara 15.7, Pengawal hendaklah menimbang semula permohonan tersebut bagi maksud pertimbangan kelulusan pembaharuan perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran.
- 15.9. Sekiranya pemohon gagal mematuhi kehendak di bawah perkara 11.7, permohonan pembaharuan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan pembaharuan semula.
- 15.10. Pengawal boleh menolak untuk memperbaharui perakuan sekiranya firma, pada pendapat Pengawal, mempunyai kelakuan atau reputasi yang tidak baik, atau didapati tidak berupaya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagaimana diperuntukkan di bawah PTKP ini.
- 15.11. Sekiranya Pengawal berpuashati terhadap suatu permohonan pembaharuan, suatu notis pembayaran pendaftaran hendaklah diberikan

TERHAD

kepada pemohon dan pemohon hendaklah membuat bayaran mengikut **Jadual Fi** dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh notis pembayaran.

15.12. Sekiranya pemohon gagal membuat bayaran fi pendaftaran dalam tempoh empat belas (14) hari dalam notis pembayaran, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan suatu notis penolakan akan dikeluarkan kepada pemohon untuk makluman.

15.13. Pengawal hendaklah memberikan perakuan kepadanya perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran seperti mana dalam **LAMPIRAN 5: Perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran** setelah bayaran fi diterima.

15.14. Permohonan pembaharuan perakuan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya sebelum tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat tempoh sah perakuan pendaftaran.

15.15. Sebarang permohonan pembaharuan yang dikemukakan selepas dari tarikh yang ditetapkan di perkara 15.14 akan ditolak.

15.16. Sekiranya tiada permohonan pembaharuan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan dalam perkara 15.14, Perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran hendaklah disifatkan sebagai terbatal sebaik sahaja lebih dari tarikh tamat tempoh sah perakuan.

15.17. Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang perakuannya terbatal tidak dibenarkan menjalankan apa-apa amalan, perkhidmatan atau aktiviti professional sebagai Firma Perunding Keselamatan Kebakaran.

15.18. Carta aliran proses pembaharuan perakuan bagi Firma Perunding Keselamatan Kebakaran boleh didapati di LAMPIRAN 9.

TERHAD

16. PEMBATALAN PERAKUAN FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

16.1. Pengawal boleh membatalkan perakuan mana-mana Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang berdaftar di bawah mana-mana keadaan berikut;

- i. Melanggar etika kerja/ profesionalisme; atau
- ii. Gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Firma Perunding Keselamatan Kebakaran; atau
- iii. Mendapat atau memperolehi pendaftarannya secara menipu atau salah nyata; atau
- iv. Diisytiharkan sebagai bankrap; atau
- v. Perunding Keselamatan Kebakaran atau Arkitek atau Jurutera Professional berdaftar berhenti berkhidmat dari Firma Perunding Keselamatan Kebakaran; atau
- vi. Didapati melanggar mana-mana terma atau syarat pendaftaran; atau
- vii. Melanggar dan telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta 341.

16.2. Sekiranya Pengawal bercadang untuk membatalkan perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran di bawah perkara 16, Pengawal hendaklah mengeluarkan suatu surat pembatalan kepada Firma Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut yang mengandungi notis bertulis bagi suatu tempoh yang ditetapkan oleh Pengawal untuk membolehkan Perunding Keselamatan Kebakaran mengemukakan representasi secara bertulis.

16.3. Dalam tempoh notis yang dinyatakan di dalam surat pembatalan tersebut, Firma Perunding Keselamatan Kebakaran boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Pengawal.

TERHAD

- 16.4. Pengawal boleh mengarahkan supaya suatu mesyuarat diadakan bersama Jawatankuasa Pendaftaran Keselamatan Kebakaran dan boleh memanggil Firma Perunding Keselamatan Kebakaran berkenaan untuk membuat representasi secara lisan sekiranya difikirkan perlu.
- 16.5. Sekiranya Pengawal tidak berpuas hati dengan representasi yang dikemukakan, Pengawal hendaklah mengeluarkan suatu surat penolakan representasi kepada Firma Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut yang memaklumkan bahawa representasi berkenaan tidak diterima dan perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran tersebut akan terbatal selepas tamat tempoh notis yang dinyatakan di dalam surat pembatalan asal seperti di perkara 16.2 .
- 16.6. Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang dibatalkan perakuannya di bawah perkara 16.2 tidak dibenarkan mengemukakan permohonan baharu dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengawal yang tidak melebihi dua belas (12) bulan.
- 16.7. Mana-mana perunding keselamatan kebakaran yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah Perkara 16.2 tidak berhak untuk menuntut:
 - i. sebarang pampasan bagi apa-apa kerugian yang berpunca daripada pembatalan tersebut; dan
 - ii. sebarang bayaran balik fi yang telah dibayar di bawah PTKP ini.
- 16.8. Carta aliran proses pembatalan perakuan bagi Firma Perunding Keselamatan Kebakaran boleh didapati di LAMPIRAN 10.

17. RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PENGAWAL

- 17.1. Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pengawal atau pegawai pendaftar atau JPKK boleh, dalam tempoh empat belas (14) hari selepas dimaklumkan secara bertulis mengenai keputusan

TERHAD

tersebut, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dan keputusan Ketua Pengarah adalah muktamad.

- 17.2. Rayuan hendaklah dikemukakan melalui surat rasmi berserta dokumen sokongan kepada Ketua Pengarah.

18. JAWATANKUASA PENDAFTARAN KESELAMATAN KEBAKARAN

- 18.1. Satu jawatankuasa hendaklah ditubuhkan dan dinamakan Jawatankuasa Pendaftaran Keselamatan Kebakaran (JPKK). Keahlian JPKK adalah seperti berikut:

- i. Pengerusi: Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran (PBKK)
- ii. Urusetia: Ketua Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran
- iii. Ahli Jawatankuasa:
 - a. Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Bangunan
 - b. Ketua Seksyen Penguatkuasaan Bangunan
 - c. Ketua Cawangan Piawaian Keselamatan Kebakaran

- 18.2. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pendaftaran Keselamatan Kebakaran (JPKK) adalah seperti berikut:

- i. Menetapkan kaedah penilaian permohonan pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran .
- ii. Menilai setiap permohonan pendaftaran Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang dikemukakan.
- iii. Membuat pengesyoran kepada Pengawal untuk memperakukan atau menolak permohonan baharu atau pembaharuan bagi Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang dikemukakan.

TERHAD

- iv. Membuat pengesyoran kepada Pengawal ke atas cadangan pembatalan Perunding Keselamatan Kebakaran dan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran yang dikemukakan berdasarkan pada syarat-syarat pendaftaran.
- 18.3. Urusetia hendaklah menyediakan Kertas Mesyuarat Jawatankuasa untuk pertimbangan mesyuarat.
- 18.4. Kehadiran ahli JPKK adalah wajib.
- 18.5. Mesyuarat JPKK adalah sah sekiranya dihadiri oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada jumlah keseluruhan ahli.
- 18.6. Sekiranya mana-mana ahli tidak dapat hadir, ahli tersebut hendaklah digantikan dengan wakil pengganti yang dilantik secara rasmi.
- 18.7. Setiap ahli JPKK boleh memberikan pandangan dan membuat keputusan ke atas setiap permohonan.
- 18.8. Keputusan permohonan hendaklah dibuat berdasarkan keputusan mesyuarat JPKK.
- 18.9. Keputusan mesyuarat JPKK hendaklah direkodkan dan diminitkan serta ditandatangani oleh semua ahli yang hadir.
- 18.10. Minit mesyuarat JPKK hendaklah disediakan oleh Urusetia.
- 18.11. Keputusan Jawatankuasa Pendaftaran Keselamatan Kebakaran adalah muktamad.

TERHAD

19. JADUAL FI

19.1. Kadar bayaran bagi pengeluaran dan pembaharuan perakuan adalah seperti berikut:

Jadual 1 FI pengeluaran perakuan pendaftaran dan pembaharuan perakuan pendaftaran

(1) Butiran	(2) Perihal	(3) Pengeluaran perakuan pendaftaran (RM)	(4) pembaharuan perakuan pendaftaran (RM)
1.	Perunding Keselamatan Kebakaran	1000	500
2.	Firma Perunding keselamatan kebakaran	2000	1000

20. TARIKH BERKUATKUASA

20.1. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 11 Tahun 2026 ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya ditandatangani.

TERHAD


21. PENUTUP

21.1. Ketua Pengarah berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain mengikut keperluan dari masa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan yang teratur dan efisien.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
8 Jun 2026

Salinan kepada:-

- 1) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- 3) Semua YS Pengarah Bomba Negeri
- 4) Semua YS Komandan FRAM

BORANG I

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Permohonan Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran

Pengawal,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Lebuhraya Wawasan, Presint 7,
62250 PUTRAJAYA

Dengan ini, saya ingin memohon perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Maklumat Pemohon

1. Nama:
.....
2. Alamat pemohon:
.....
.....
.....
.....
3. *No. Kad Pengenalan / No. Passport*(sertakan bersama salinan Kad Pengenalan / No. Passport):
.....
4. Tarikh lahir: 5. Umur:
6. Pekerjaan sekarang dan jawatan:
.....
.....
7. No. Telefon:
8. Alamat emel:
9. Kelayakan akademik*(sertakan bersama salinan sijil):

TERHAD

No	Kelayakan	Tahun	Universiti / Institusi
1.			
2.			
3.			
4.			

10. Pengalaman kerja (tempoh, deskripsi tugas dan lain-lain)

*(sertakan bersama salinan dokumen bagi pengalaman kerja):

.....
.....

Dengan ini saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa segala isi kandungannya adalah benar seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Akuan Berkanun 1960.

Tarikh

.....

Tandatangan Pemohon

Nota:

(a) * Sila potong yang tidak berkenaan.

(b) * Sila sertakan salinan dokumen yang diperlukan.

(c) Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi

TERHAD

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERAKUAN PERUNDING KESELAMATAN

KEBAKARAN

(BORANG 1)

Bil.	Perkara	Ada	Tiada
1.	Salinan kad pengenalan / Passport pemohon.		
2.	Sijil akademik yang berkaitan.		
3.	Pengalaman kerja		
4.	Sijil keahlian bagi mana-mana badan professional keselamatan kebakaran yang diiktiraf oleh JBPM.		
5.	Senarai projek yang pernah dilaksanakan berdasarkan <i>Fire Safety Engineering</i>		

Nota:

**Setiap perkara perlu disertakan salinan dokumen yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.*

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Semakan dokumen telah dibuat dan ianya didapati memenuhi/ tidak memenuhi keperluan pendaftaran yang telah disyaratkan.

Disemak oleh:

.....

Pegawai Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran

BORANG II

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Permohonan Pembaharuan Perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran

Pengawal,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 PUTRAJAYA

Dengan ini, saya ingin memohon pembaharuan perakuan Perunding Keselamatan Kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Maklumat Pemohon

1. Nama :
.....
2. Alamat pemohon :
.....
.....
.....
3. *No. Kad Pengenalan / No. Passport *(sertakan bersama salinan Kad Pengenalan / No. Passport):
4. No. Pendaftaran:
5. Nama Firma Perunding Keselamatan Kebakaran:
.....
6. Alamat Firma Perunding Keselamatan Kebakaran:
.....
.....
.....

TERHAD

7. Pembangunan Profesional Berterusan:

Bil.	Jenis Aktiviti CPD	Mata Dikumpul
1.	Latihan dan Pendidikan Rasmi	
2.	Aktiviti Pembelajaran Tidak Rasmi	
3.	Mesyuarat Teknikal dan Persidangan	
4.	Pembentangan Kertas Kerja	
5.	Aktiviti Perkhidmatan Kejuruteraan	
JUMLAH MATA =		

* sertakan dokumen yang diperlukan

8. Senarai projek pembangunan berkaitan PBA atau FSDP yang telah dilaksanakan:

.....
.....

Dengan ini saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa segala isi kandungannya adalah benar seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Akuan Berkanun 1960.

Tarikh

.....

Tandatangan Pemohon

Nota:

1. * Sila potong yang tidak berkenaan.
2. *Sila sertakan salinan dokumen yang diperlukan.
3. Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi.

TERHAD

SENARAI SEMAK PEMBAHARUAN PERAKUAN PERUNDING
KESELAMATAN KEBAKARAN

Bil.	Perkara	Ada	Tiada
1.	Salinan kad pengenalan / Passport pemohon.		
2.	Senarai projek yang pernah dilaksanakan berdasarkan PBA FSDP.		
3.	Dokumen pembuktian bagi aktiviti CPD.		

Nota:

** Setiap perkara perlu disertakan salinan dokumen yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.*

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Semakan dokumen telah dibuat dan ianya didapati memenuhi/ tidak memenuhi keperluan pendaftaran yang telah disyaratkan.

Disemak oleh:

.....

Pegawai Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran

TERHAD

LAMPIRAN 3

Perakuan bagi Perunding Keselamatan Kebakaran


ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI BAHAWA :

No. Pendaftaran:

Nama :
Firma :
Alamat :

telah mematuhi segala kehendak yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan telah didaftarkan sebagai **PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN**.

Perakuan ini sah sehingga



.....
()

Pengawal,
Jabatan Bomba dan Penyelamat

Tarikh dikeluarkan:

Permohonan Pendaftaran/Pembaharuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran

Pengawal,
 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
 Lebuhr Wawasan, Presint 7,
 62250 PUTRAJAYA

Dengan ini, saya memohon untuk didaftarkan/pembaharuan perakuan sebagai Firma Perunding Keselamatan Kebakaran dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Maklumat Pemohon

1. Nama Penuh:
2. Jawatan Pemohon:
3. *No. Kad Pengenalan / No. Pasport *(Sila sertakan salinan Kad Pengenalan / Pasport):

4. Nama Firma:
5. Alamat Firma:

6. No. Pendaftaran SSM:
7. No. Telefon Firma:
8. Alamat Firma:
9. Butiran Perunding Keselamatan Kebakaran yang berkhidmat:

Bil.	Nama Perunding Keselamatan Kebakaran	No. Siri Pendaftaran
1.		
2.		

TERHAD

10. Nama arkitek atau jurutera profesional berdaftar yang berkhidmat:

Bil.	Nama Arkitek / Jurutera Profesional Berdaftar	No. Pendaftaran LAM / BEM
1.		
2.		

Dengan ini saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa segala isi kandungannya adalah benar serta mengikut yang diperuntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783].

Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

Nota:

- (a) * Sila potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
- (b) +Sila sertakan salinan dokumen yang diperlukan.*
- (c) Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi.*

TERHAD

LAMPIRAN PERMOHONAN PENDAFTARAN/PEMBAHARUAN BAGI FIRMA
PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

Bil.	Perkara	Ada	Tiada
1.	Salinan kad pengenalan / Pasport pemohon.		
2.	Salinan pendaftaran syarikat yang dikeluarkan oleh SSM.		
3.	Senarai Perunding Keselamatan Kebakaran yang berkhidmat dengan firma.		
4.	Senarai arkitek atau jurutera profesional berdaftar yang berkhidmat dengan firma.		
5.	Profil firma.		
6.	Struktur organisasi firma.		
7.	Polisi insurans indemniti profesional bernilai sekurang-kurangnya RM 1,000,000.		
8.	Senarai projek yang pernah dilaksanakan berdasarkan PBA dan FSDP (Bukti Sokongan)		

Nota:

**Setiap dokumen yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.*

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Semakan dokumen telah dibuat dan didapati memenuhi keperluan pendaftaran/pembaharuan yang ditetapkan.

Disemak oleh:

.....

Pegawai Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran

TERHAD

LAMPIRAN 5

Perakuan Firma Perunding Keselamatan Kebakaran

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI BAHAWA


No. Pendaftaran:

Syarikat :

Alamat :


telah mematuhi kehendak yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
dan telah didaftarkan sebagai **FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN.**


Perakuan ini sah sehingga





Tarikh dikeluarkan:

.....
()
Pengawal,
Jabatan Bomba dan Penyelamat


CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN PERAKUAN PERUNDING KESELAMATAN
KEBAKARAN

CARTAALIR PROSES PEMBAHARUAN PERAKUAN PERUNDING KESELAMATAN
KEBAKARAN

CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING KESELAMATAN
KEBAKARAN

CARTA ALIR PROSES PEMBAHARUAN FIRMA PERUNDING KESELAMATAN
KEBAKARAN

CARTA ALIR PROSES PEMBATALAN PERUNDING/ FIRMA PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN



TERHAD

LAMPIRAN 11

COP PENGESAHAN PERUNDING KESELAMATAN KEBAKARAN

Pengesahan Laporan

CHOP
Saiz Fon di : Dalam 11-12
Reka Bentuk Font : ARIAL

Ukuran untuk rujukan




A: 4.3cm
B: 3.4cm
C: 2.2 cm
D: 3.0 cm
E: 3.8 cm
F: 2.1 cm
G: Thickness 0.2cm
*Ukuran +/- 1-2mm

Pengesahan Pelan



Dengan ini dipersetujui bahawa premis ini

Ukuran untuk rujukan



KENYATAAN PENGAKUAN : Saiz Fon di : Dalam 12.5
Reka Bentuk Font : ARIAL

Kami selaku perunding keselamatan kebakaran dengan ini memperakui bahawa pelan lukisan ini mematuhi sepenuhnya keperluan mengikut Laporan No: _____ hanya berkaitan dengan pendekatan berasaskan prestasi (PBA) atau falsafah reka bentuk Keselamatan kebakaran (FSDP) yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan di dalam laporan tersebut.

*Ukuran +/- 1-2mm